

28 MAR 1997

Mahathir-Singapura

LAPORAN M'SIA BEKU HUBUNGAN BARU DENGAN SINGAPURA TAK BENAR: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata laporan media bahawa Malaysia membekukan hubungan baru dengan Singapura tidak benar.

RTM dalam siaran berita pukul 8 malam ini melaporkan bahawa Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita pada akhir lawatannya ke Osaka Jepun.

Menurut siaran berita itu, Dr Mahathir juga berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menghubunginya semalam dan menjelaskan bahawa apa yang dilaporkan itu tak benar.

"Dia tak kata macam itu," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas laporan media tempatan semalam bahawa Kabinet pada mesyuarat mingguannya pada Rabu telah memutuskan untuk membekukan urusan dua hala baru dengan Singapura berikutan perbalahan diplomatik yang tercetus ekoran kenyataan Menteri Kanannya Lee Kuan Yew mengenai Johor.

Mesyuarat Kabinet itu dipengerusikan oleh Anwar kerana Dr Mahathir ketika itu berada di Jepun untuk lawatan rasmi.

"Tak ada beku, tak ada frozen apapun," kata Dr Mahathir hari ini.

Katanya laporan itu memberi gambaran seolah-olah Malaysia sengaja mahu bertindak terhadap Singapura.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang juga pemangku Menteri Luar dalam kenyataannya semalam mengesahkan Kabinet telah membincangkan beberapa isu mutakhir berkaitan hubungan Malaysia dengan Singapura.

Beliau bagaimanapun menegaskan apa yang dilaporkan media massa mengenai hubungan tersebut adalah "kurang tepat" dan tiada keputusan dibuat untuk membekukan hubungan dengan Singapura. -- BERNAMA

ZKS NMO MAI